

Memorandum

No. Ruj. : USM. 38/8 Jld.III

Tarikh : 19 Ogos 2022

Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 30 TAHUN 2022

- PERMOHONAN KELULUSAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA BAGI URUSAN RASMI

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, semua permohonan staf Universiti ini untuk ke luar negara atas tugas rasmi perlu dikemukakan dan akan diproses menggunakan sistem **E-OTRA**. Permohonan staf yang telah lengkap akan dikemukakan secara dalam talian oleh pihak Universiti melalui Bahagian Sumber Manusia (Jabatan Pendaftar) kepada Pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk proses kelulusan.

3. Dalam hal ini, pihak KPT melalui surat edarannya pada tarikh 3 Ogos 2022 bertajuk '**Permohonan Kelulusan Perjalanan Ke Luar Negara Bagi Urusan Rasmi**' [No. Ruj. : JPT.S(G)2000/014/06 Jld. 4 (59)] telah sekali lagi mengingatkan agar semua Universiti Awam (UA) mengemukakan permohonan lengkap perjalanan staf masing-masing ke luar negara selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari dari tarikh jangkaan berlepas ke luar negara.

4. Sehubungan itu, bagi memastikan arahan pihak KPT ini dilaksanakan dengan teratur dan proses kelulusan oleh pihak KPT berjalan lancar, pihak Universiti ingin memohon perhatian dan kerjasama semua staf Universiti ke atas perkara-perkara berikut :-

- a) Staf perlu mengemukakan permohonan **selewat-lewatnya dua (2) bulan** sebelum tarikh jangkaan berlepas ke luar negara.
- b) Bagi staf yang mengemukakan permohonan **kurang daripada tempoh tiga puluh (30) hari** dari tarikh jangkaan berlepas ke luar negara kepada pihak KPT, staf berkenaan perlu memberikan **justifikasi kelewatan berkenaan** melalui surat yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha KPT dan surat ini perlu dimuat naik (*upload*) bersekali semasa mengemukakan permohonan dalam sistem **E-OTRA**.
- c) Bagi staf yang akan pergi secara berkumpulan (delegasi), setiap ahli kumpulan perlu mengemukakan permohonan masing-masing.
 - Sekiranya **jumlah ahli kumpulan melebihi dua (2) orang**, ketua kumpulan perlu memberikan **justifikasi** melalui surat yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha KPT dan surat ini perlu dimuat naik (*upload*) bersekali semasa mengemukakan permohonan dalam sistem **E-OTRA**.
 - Jika permohonan dikemukakan **kurang daripada tempoh tiga puluh (30) hari** dari tarikh jangkaan berlepas ke luar negara kepada pihak KPT, ketua kumpulan perlu memberikan **justifikasi kelewatan berkenaan** melalui surat yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha KPT dan surat ini perlu dimuat naik (*upload*) bersekali semasa mengemukakan permohonan dalam sistem **E-OTRA**.

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 30 TAHUN 2022

- PERMOHONAN KELULUSAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA BAGI URUSAN RASMI

5. Dalam hal berkaitan, saya juga ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke atas Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 '**Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam**' yang telah dikeluarkan pada 14 Julai 2022 bertujuan mengingatkan agar semua agensi kerajaan dapat berbelanja secara berhemah dan mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan dalam mematuhi perkara ini adalah amat dihargai agar proses kelulusan semua permohonan ke luar negara atas tugas rasmi dengan pihak KPT dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Pendaftar

Bendahari